



PATHMANABHAN (kiri) tiba di Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting untuk mendengar pertuduhan membunuh Sosilawati dan tiga lelaki lain semalam. Gambar kanan ialah tiga tertuduh lain, dari kiri Thilaiyalagan, Matan dan Kathavarayan.



Info Solat

14 OKTOBER 2010
• 6 ZULKAEDA 1431H



SUBUH • SYURUK • ZUHUR • ASAR • MAGHRIB • ISYAK

K. LUMPUR	5.42	6.59	1.02	4.18	7.02	8.12
SHAH ALAM	5.42	6.59	1.02	4.18	7.02	8.12
SEREMBAN	5.40	6.56	1.00	4.15	7.01	8.11
MELAKA	5.39	6.56	1.00	4.14	7.01	8.10
JOHOR BAHRU	5.32	6.49	12.54	4.07	6.54	8.04
IPOH	5.45	6.59	1.04	4.20	7.04	8.14
P. PINANG	5.48	7.05	1.07	4.23	7.06	8.16
ALOR SETAR	5.47	7.01	1.06	4.23	7.04	8.14
K. TERENGGANU	5.37	6.53	12.56	4.12	6.55	8.05
KOTA BHARU	5.45	6.58	1.00	4.17	6.59	8.04
KUANTAN	5.36	6.53	12.57	4.11	6.57	8.06
KANGAR	5.48	7.05	1.07	4.24	7.06	8.15

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya

Dituduh membunuh Sosilawati dan tiga rakan pada 30 Ogos lalu

Pathmanabhan, 3 pekerja didakwa

Oleh ATIKAH DALI, ZAINI SAMSU HADI, LUQMAN HAKIM AB. RAHIM, FIRDAUS HASSAN dan NORAZIRAN YUNUS

Gambar SAHARUDDIN ABDULLAH dan SHAHARANI SAIBI

Ini merupakan amalan biasa, kerana untuk kes dadah kita perlukan tempoh satu bulan (untuk memperoleh laporan kimia), jadi bagi kes ini tarikh sebutan memerlukan tempoh selama dua bulan

MAJISTRET HURMAN HUSSAIN

Info Pendakwaan kes bunuh Sosilawati dan tiga rakan

Pertuduhan di Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting

MAJISTRET
Hurman Hussain



BANTING - Selepas genap sebulan ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes pembunuhan Datuk Saifulrahman Yusoff,

Atuk Sosilawati Lawiya, peguam N. Pathmanabhan serta tiga pekerjanya dibawa ke Mahkamah Majistret Telok Datok di sini semalam bagi menghadapi tuduhan membunuh jutawan kosmetik tersebut dan tiga rakannya pada bulan Ramadan lalu.

Tiga lagi tertuduh yang didakwa bersama N. Pathmanabhan, 41, ialah pekerja ladang milik peguam berkenaan iaitu T. Thilaiyalagan, 19, R. Matan, 20, dan R. Kathavarayan, 30.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tertuduh yang kelihatan tenang semasa pertuduhan dibacakan dalam Bahasa Malaysia untuk Pathmanabhan dan bahasa Tamil untuk tiga yang lain.

Kesemua tertuduh didakwa dengan empat tuduhan yang dibacakan berasingan iaitu membunuh Sosilawati, 47, pemandunya, Kamarudin Shansudin, 44, pegawai bank CIMB cawangan Kampung Baru, Noorhisham Mohammad, 38, dan peguam Ahmad Kamil Abdul Karim, 32.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Lot 2001, Jalan Tanjung Layang, Tanjung Sepat, Banting antara pukul 8.30 malam dan pukul 9.45 malam 30 Ogos lalu iaitu

pada hari ke-20 Ramadan.

Mereka berhadapan dengan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Majistret Hurman Hussain menetapkan 16 Disember depan untuk sebutan semula kes setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Ishak Mohd. Yusoff yang memerlukan tempoh dua bulan bagi mendapatkan laporan kimia.

“Ini merupakan amalan biasa, kerana untuk kes dadah kita perlukan tempoh satu bulan (untuk memperoleh laporan kimia), jadi bagi kes ini tarikh sebutan memerlukan tempoh selama dua bulan,” kata Hurman.

Selain Ishak, pendakwaan turut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Idham Abdul Ghani dan Saiful Edris Zainuddin sementara Pathmanabhan diwakili oleh peguam Ravi Nekoo, R. Pushpa, Datuk Ng See Teong dan Amer Hamzah Arshad.

Hurman turut membenarkan pihak pembelaan untuk berjumpa dengan Pathmanabhan dan tiga tertuduh yang lain selama 10 minit seorang bagi membantu mereka dalam proses untuk melantik peguam.

Terdahulu, padaprosiding tersebut, Amer Hamzah membangkitkan isu mengenai keperluan tiga tertuduh yang juga pekerja Pathmanabhan untuk diwakili peguam.

Hurman kemudian menjelaskan bahawa Pegawai Penyasiat kes telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut. “Kalau nak ambil peguam silakan. Ada sesiapa yang kamu fikirkan,” katanya kepada tertuduh.

Salah seorang tertuduh, Thilaiyalagan memberitahu mahkamah bahawa keluarganya tidak mengetahui dia ditahan polis.

Hurman berkata, peguam boleh dilantik oleh keluarga tiga tertuduh berkenaan semasa perbincangan dan mengarahkan supaya polis memberitahu keluarga Thilaiyalagan mengenai penahanannya.

Pathmanabhan yang sedang berdiri dalam kandang pesalah tiba-tiba mencelah dan memberitahu ketiga-tiga pekerjanya tidak arif mengenai soal undang-undang serta hak mereka sebagai tertuduh untuk mendapatkan peguam bela.

Sementara itu, galeri awam mahkamah sunyi tanpa kehadiran ahli keluarga kesemua tertuduh.

Ravi yang ditemui di luar mahkamah memberitahu, adik Pathmanabhan yang sebelum ini direman bagi membantu siasatan tidak akan didakwa.

Sosilawati serta tiga yang lain dilaporkan hilang pada 30 Ogos lalu selepas dikatakan ke Banting atas urusan pembelian tanah.

Pada 6 September lalu, dua buah kereta iaitu BMW X5 milik Sosilawati ditemui di Pangsapuri Angsana, USJ 1 di Subang Jaya manakala kereta BMW M5 milik Ahmad Kamil ditemui kira-kira 10 kilometer dari situ.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Mohd.

TERTUDUH



N. Pathmanabhan



T. Thilaiyalagan



R. Matan



R. Kathavarayan

Pertuduhan

Mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh

Hukuman

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dijatuhkan hukuman mati mandatori

MANGSA-MANGSA BUNUH



Datuk Sosilawati Lawiya



Noorhisham Mohammad



Ahmad Kamil Abdul Karim



Kamarudin Shansudin

Lokasi pembunuhan

Lot 2001, Jalan Tanjung Layang, Tanjung Sepat, Banting, Selangor

PIHAK PENDAKWAAN



Timbalan Pendakwa Raya Ishak Mohd. Yusoff



Timbalan Pendakwa Raya Saiful Edris Zainuddin



Timbalan Pendakwa Raya Idham Abdul Ghani

PIHAK PEMBELAAN



Peguam Ravi Nekoo



Peguam Amer Hamzah Arshad



Peguam Pushpa Ratham



Peguam Datuk Ng See Teong

Bakri Mohd. Zinin pada 12 September lalu mengesahkan kesemua mereka telah dibunuh.

Susulan itu, Pathmanabhan dan tujuh lagi suspek ditahan antara 9 September dan 12 September.

Siasatan kes pembunuhan itu

turut dikaitkan dengan beberapa kes orang hilang dan jenayah komersial di daerah Kuala Langat, termasuk pembunuhan ahli perniagaan dari Chennai, India, Allal Kanthan Muthuraja yang tiba di sini pada 18 Januari lalu.



GAMBAR lokasi Sosilawati dan tiga lelaki dibunuh sebelum mayat mereka dibakar di dalam Ladang Gadong, Tanjung Sepat, Banting.